



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

18.03.2022

**MSWG akan mengadakan webinar untuk pelabur runcit yang bertajuk “Menambah peluang untuk menang dalam pasaran saham” (“Improving the Chances of Winning in the Stock Market”) dan “Perkembangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG) 2021” bermula jam 8.00 malam pada 28 Mac 2022 (Isnin). Sila layari <https://bit.ly/3CvqVeR> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.**

### ❖ Kesamaan jantina - dari bilik lembaga ke pasaran ekuiti

Seratus syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) teratas Malaysia semakin menghampiri angka penanda aras 30% untuk perwakilan wanita dalam lembaga pengarah (kedudukan terkini adalah pada 26.5%). Maka, tumpuan kini beralih secara beransur-ansur kepada mendorong kepelbagaian jantina dalam pasaran ekuiti.

Baru-baru ini, Bursa Malaysia mendedahkan bahawa semakin ramai wanita Malaysia melibatkan diri dalam aktiviti pelaburan. 36% daripada akaun Sistem Depositori Pusat (*Central Depository System*, CDS) yang baru dibuka setakat ini terdiri daripada wanita, meningkat daripada 34% pada 2021 dan 32% pada 2020.

Selain itu, hampir 30% daripada jumlah nilai dagangan pada 2021 terdiri daripada pelabur wanita, dengan peningkatan 178.4% dalam jumlah nilai dagangan dan peningkatan 194.1% dalam jumlah nilai dagangan antara 2018 dan 2021.

Di sebalik penemuan yang menggalakkan itu, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad, Datuk Muhamad Umar Swift berkata, masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran kewangan dan penyertaan dalam aktiviti pelaburan dalam kalangan wanita.

Bursa Malaysia akan terus memperluas amalan kesamaan jantina untuk merapatkan jurang pelaburan antara lelaki dan wanita. Ini termasuk menyediakan akses yang sama rata kepada peluang pelaburan yang tersedia dalam pasaran ekuiti kepada kedua-dua jantina.

## Women investors' have been increasing its representation, influence, and capability



Sumber: Bursa Malaysia

### Pulangan pelaburan yang lebih baik dalam kalangan pelabur wanita

Banyak kajian mendapati bahawa pelabur wanita cenderung memperoleh pulangan pelaburan yang lebih baik berbanding pelabur lelaki.

Sebagai contoh, Kajian Wanita dan Pelaburan 2021 yang dikelola oleh Fidelity Investments mendapati bahawa walaupun mereka kurang keyakinan, portfolio pelaburan wanita lebih menguntungkan berbanding prestasi portfolio pelaburan lelaki.

Secara purata, pelabur wanita berjaya memperoleh pulangan yang positif dan mengatasi pulangan pelabur lelaki sebanyak 40 mata asas atau 0.4%, menurut analisis prestasi tahunan ke atas 5.2 juta akaun dari Januari 2011 hingga Disember 2020.

Kajian ini juga sejajar dengan penyelidikan Fidelity yang lalu yang menunjukkan wanita mampu mengatasi lelaki dengan strategi pelaburan beli dan pegang berbanding dagangan yang kerap, yang cenderung membantutkan prestasi pelaburan.

Pilihan pelaburan kaum Hawa juga telah melangkaui akaun persaraan dengan dua pertiga kini melaburkan simpanan tambahan mereka di luar dana kecemasan. Kajian menunjukkan terdapat peningkatan 50% sejak 2018.

Dalam tinjauan lain oleh ET Money yang bertarikh Mac 2021, pelabur wanita didapati memperoleh pulangan yang lebih baik daripada pelabur lelaki pada setiap tahun dari 2017 hingga 2020. Malah, sewaktu pandemik pada 2020, mereka mencatatkan pulangan 14% manakala pelabur lelaki hanya memperoleh 11%.

Sebuah lagi kajian oleh Warwick Business School pada 2018 yang melibatkan 2,800 pelabur mendapati pulangan portfolio pelabur wanita bukan sahaja mengatasi

prestasi indeks FTSE 100 sejak tiga tahun lalu tetapi mereka juga mendahului pelabur lelaki dalam lingkungan yang sama.

Pulangan pelaburan tahunan untuk pelabur lelaki secara purata hanyalah 0.14% melebihi prestasi FTSE 100, berbanding pulangan tahunan bagi portfolio pelaburan yang dipegang oleh wanita, iaitu 1.94% lebih tinggi. Ini bermakna kadar pulangan bagi pelabur wanita mengatasi kadar pulangan pelabur lelaki sebanyak 1.8%.

Dalam satu lagi penyelidikan klasik yang diterbitkan pada tahun 2001 bertajuk "*Boys Will Be Boys: Gender, Overconfidence and Common Stock Investment*", dari sudut psikologi, lelaki cenderung bersifat terlalu yakin apabila membuat keputusan pelaburan berbanding wanita dan ini meletakkan mereka pada kedudukan yang tidak menguntungkan.

Teori ini mencadangkan bahawa sikap terlalu yakin dalam kepintaran kewangan akan menyebabkan seseorang pelabur melakukan lebih banyak dagangan dan pertukaran pelaburan yang seterusnya membawa kepada pulangan yang lebih rendah.

Kajian juga mendedahkan bahawa pelabur wanita menumpukan kepada matlamat jangka panjang dan yang bukan bersifat kewangan semata-mata dengan mempertimbangkan "gambaran yang lebih besar".

Wanita tidak hanya melihat wang sebagai medium untuk membeli sesuatu tetapi mewakili faktor yang lebih luas iaitu kebebasan dan jaminan kewangan. Selain itu, wanita lebih cenderung mendapatkan bimbingan dan hala tuju, sekali gus membolehkan mereka mengambil pendekatan pelaburan yang lebih terdidik dan seimbang.

### **Kemahiran pelaburan semula jadi**

Ciri-ciri, tingkah laku dan psikologi tertentu memberikan wanita kelebihan berbanding lelaki dalam bidang pelaburan. Tidak seperti pelabur lelaki, pelabur wanita kurang gemar mengambil risiko, tidak berdagang dengan kerap, membuat penyelidikan dengan lebih teliti, lebih berdisiplin dan tidak bersifat terlampau yakin.

Kesannya juga kurang dirasai kerana mereka membuat keputusan dengan berhati-hati, memilih untuk melabur dalam dana bersama berbanding saham, membuat pelaburan yang konsisten untuk jangka panjang tanpa dagangan dan pertukaran yang kerap serta memperuntukkan aset secara berdisiplin tanpa sebarang keputusan yang impulsif atau reaksi yang mengejutkan.

Dinyatakan bahawa wanita bukan sahaja mengambil pendekatan membuat pelaburan yang berasaskan pulangan tetapi juga mengambil kira pulangan untuk jangka panjang. Tingkah laku ini menggandakan peluang mereka untuk mencapai matlamat di garisan penamat dengan pulangan pelaburan yang terjamin.

Tidak seperti kaum Adam, wanita lebih fokus kepada matlamat kewangan dan bukan hanya keseronokan melabur semata-mata. Mereka melabur dengan cara yang membantu mereka mencapai matlamat dalam tempoh yang ditetapkan.

Natijahnya, pemerksaan kewangan merupakan salah satu sebab paling utama mengapa wanita perlu mula melabur. Kesedaran dan celik kewangan bukan sahaja membantu menjamin masa depan kewangan mereka malah keluarga mereka juga tanpa perlu merasa kehilangan yang disebabkan kejahilan atau terpaksa bergantung kepada orang lain untuk mendapatkan bantuan kewangan apabila ditimpa musibah.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 21 hingga 25 Mac 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

| <b>Tarikh dan Masa</b>           | <b>Syarikat</b>              | <b>Tinjauan ringkas</b>  |
|----------------------------------|------------------------------|--|
| 21.03.22 (Isnin)<br>10.00 pagi   | Metronic Global Berhad (EGM) | MGB berhasrat mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangannya untuk mempelbagaikan aktiviti perniagaan kepada pajakan suria, penyatuan saham serta penerbitan saham hak bersama waran bagi mengumpul dana untuk aktiviti baharu itu.   |
| 21.03.22 (Isnin)<br>03.00 petang | Lotus KFM Berhad (AGM)       | Keuntungan bersih Lotus KFM menyusut dengan ketara daripada RM9.9 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM2.7 juta pada tahun kewangan 2021 disebabkan kekurangan bekalan gandum di peringkat global serta lonjakan dalam kos penghantaran. Percubaan Syarikat menceburi perniagaan ladang hutan boleh menjadi pemangkin kepada pendapatan yang lebih baik. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan untuk produk berasaskan kayu sewaktu pandemik. |
| 21.03.22 (Isnin)<br>04.00 petang | Lotus KFM Berhad (EGM)       | Cadangan mempelbagaian Lotus KFM ke dalam perniagaan ladang hutan merupakan petanda yang baik disebabkan   |

|                                 |   |   |
|---------------------------------|---|---|
|                                 |   | perniagaan tradisional syarikat iaitu pengilangan tepung telah terjejas berikutan kekurangan bekalan gandum di seluruh dunia serta kos penghantaran yang meningkat.   |
| 24.03.22 (Khamis)<br>10.00 pagi | Asdion Berhad (AGM)                       | Asdion mencatatkan pendapatan berjumlah RM4.33 juta (tahun kewangan 2020: RM3.79 juta) dan kerugian bersih RM2.21 juta (tahun kewangan 2020: - RM4.02 juta) pada tahun kewangan 2021. Peningkatan pendapatan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan kos perkhidmatan perkapalan dan logistik global pada suku ketiga 2021. Kerugian bersih menyusut disebabkan oleh penurunan ketara dalam perbelanjaan pentadbiran sebanyak RM4.80 juta. |
| 24.03.22 (Khamis)<br>10.00 pagi | Wong Engineering Corporation Berhad (EGM) | Syarikat mencadangkan penerbitan bonus sehingga 131.8 juta waran percuma berdasarkan 1 waran bagi setiap 2 saham sedia ada yang dipegang. Penerbitan bonus ini bertujuan memberi ganjaran kepada pemegang saham dan ia bakal memberikan kesan kecairan ke atas pegangan saham sebaik sahaja waran ini ditukar.  |
| 24.03.22 (Khamis)<br>11.30 pagi | Wong Engineering Corporation Berhad (AGM) | Kumpulan mencatatkan pendapatan tertinggi yang pernah direkodkan dalam tahun kewangan 2021 iaitu sebanyak RM83.85 juta, dengan peningkatan 18.4% berbanding RM70.85 juta pada tahun kewangan 2020. Ia sebahagian besarnya disumbangkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada segmen Pembuatan dan segmen Pembinaan dan Pemaju Hartanah ( <i>Property Developer, PD</i> ). Lembaga Pengarah sentiasa optimistik bahawa prospek dan prestasi |

|                                 |                                      |  |
|---------------------------------|--------------------------------------|--|
|                                 |                                      | keuangan Kumpulan akan kekal positif dan menggalakkan.   |
| 24.03.22 (Khamis)<br>10.30 pagi | CAB Cakaran Corporation Berhad (AGM) | Pendapatan CAB meningkat 2.28% tahun ke tahun kepada RM1.72 bilion pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM1.68 bilion). Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga jualan purata ayam pedaging kepada RM4.67/kg (tahun kewangan 2020: RM4.21/kg). Namun begitu, peningkatan dalam kos makanan ayam akibat kenaikan harga bahan mentah di seluruh dunia telah menghakis margin keuntungannya dengan ketara. Justeru, kerugiannya meningkat kepada RM36.27 juta berbanding RM11.13 juta pada tahun kewangan 2020.   |
| 24.03.22 (Khamis)<br>11.00 pagi | CAB Cakaran Corporation Berhad (EGM) | Mesyuarat agung luar biasa ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk cadangan mempelbagaian perniagaan CAB ke dalam penyediaan perkhidmatan menggunakan dron untuk industri pertanian. Usaha niaga baharu itu akan dilaksanakan melalui perjanjian usaha sama ( <i>joint venture, JV</i> ) yang mana CAB menyumbangkan modal maksimum berjumlah RM8 juta untuk 51% kepentingan dalam syarikat usaha sama, manakala rakan kongsi usaha sama akan menerima bahagian yang dipersetujui iaitu 49% dalam terma bukan tunai dengan nilai bukan tunai RM7.69 juta. |
| 24.03.22 (Khamis)<br>10.30 pagi | Eco World International Berhad (AGM) | Jualan EWI berjumlah RM1.4 bilion pada tahun kewangan 2021, sebahagian besarnya didorong oleh penyerahan unit dalam projek Yarra One dan Wardian. Nisbah penggearan bersihnya meningkat kepada   |

|  |  |  |
|--|--|--|
|  |  | 0.20 kali ganda pada Oktober 2021 apabila Kumpulan berjaya mengurangkan peminjamannya dengan tunai yang diperoleh daripada penyerahan. Kumpulan juga mengisytiharkan dividen sebanyak 6 sen sesaham sepanjang tahun kewangan 2021. |
|--|--|--|

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

| Syarikat                     | Perkara/ Isu untuk diketengahkan   |
|------------------------------|--|
| Metronic Global Berhad (EGM) | <p>Pada 15 Oktober 2021, MGB memeterai perjanjian usaha sama (<i>joint venture</i>, JV) dengan Earthtech Energy Sdn Bhd ('Earthtech') untuk menjalankan perniagaan tenaga suria melalui sebuah syarikat JV 70:30 iaitu Sinaran PPA Sdn Bhd.</p> <p>MGB telah melanggan 70% pegangan dalam Sinaran PPA dengan balasan RM1 juta, manakala Earthtech sebagai pemegang saham 30% Sinaran PPA dijangka tidak akan menyediakan apa-apa pembiayaan untuk Sinaran PPA (halaman 2 dan 3 Pekeliling bertarikh 25 Februari 2022).</p> <p>Usaha sama ini meletakkan kepercayaan kepada Encik Chew Keng Yaw, pemegang saham tunggal dan pengarah Earthtech untuk menerajui perniagaan tenaga suria. Bagaimanapun, Encik Chew hanya mempunyai dua tahun pengalaman dalam perniagaan berkaitan tenaga suria dan tenaga yang boleh diperbaharui, walaupun beliau mempunyai pengalaman bekerja selama 25 tahun.</p> <p>Selain itu, En. Mohd Dzamirhafiz Dzul kifli, yang dilantik sebagai pengurus operasi dan pembangunan perniagaan Sinaran PPA, juga tiada pengalaman yang berkaitan secara langsung dalam industri tenaga suria dan tenaga boleh diperbaharui.</p> <p>(a) Memandangkan kakitangan penting mempunyai sedikit atau tiada pengalaman langsung dalam industri tenaga suria dan tenaga boleh diperbaharui, perlukah Syarikat mempertimbangkan untuk mencari kakitangan lain yang lebih berpengalaman bagi memastikan kejayaan usaha sama baharu ini?</p> |

|                        |  |
|------------------------|--|
|                        | <p>(b) Sebagai satu-satunya pembiaya bagi usaha niaga baharu ini, apakah petunjuk prestasi utama yang digunakan oleh MGB untuk menilai kakitangan penting?</p> <p>(c) MGB terus menerus mencatatkan kerugian walaupun terlibat dalam pelbagai usaha niaga baharu dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Antaranya pembangunan hartanah, pembangunan penyelesaian bandar pintar dan pengedaran kit ujian antibodi COVID-19. Perniagaan baharu ini dibiayai oleh jutaan ringgit yang diperolehi melalui terbitan hak, tawaran persendirian dan skim opsyen saham pekerja (<i>employee share option scheme, ESOS</i>).</p> <p>Apakah perbezaan antara perniagaan tenaga suria baharu ini dengan usaha niaga syarikat yang lain dan adakah ia mampu mengubah prestasi kewangan MGB?</p> <p>(d) Apakah kadar pulangan dalaman bagi pelaburan MGB dalam Sinaran PPA?</p> <p>(e) Berapa lamakah masa yang diambil untuk usaha sama ini menyumbang 25% atau lebih daripada aset bersih (<i>net assets, NA</i>) dan/atau keuntungan bersih MGB?</p> |
| Lotus KFM Berhad (AGM) | <p>Keuntungan bersih Syarikat merudum pada tahun kewangan 2021 kepada RM2.7 juta daripada RM9.9 juta pada tahun kewangan 2020. Mereka mengaitkan prestasi yang lemah ini kepada kekurangan bekalan gandum di peringkat global yang menyebabkan harganya melonjak serta kenaikan mendadak dalam kos penghantaran yang disebabkan oleh kekurangan kontena. (Halaman 5, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk meningkatkan prestasinya bagi tahun kewangan berakhir 2022 memandangkan situasi kekurangan gandum dan kos penghantaran yang tinggi ini dijangka berterusan?</p>  |
| Asdion Berhad (AGM)    | <p>Pendapatan Kumpulan yang disatukan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2021 berjumlah RM4.33 juta (2020: RM3.79 juta) dan kerugian selepas cukai dan kepentingan tidak mengawal (<i>loss after taxation and non-controlling interest, LATNCI</i>) berjumlah RM2.21 juta (2020 : LATNCI RM4.02 juta). Peningkatan pendapatan sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga perkhidmatan perkapalan dan logistik di</p>  |



|   |   |
|---|---|
|   | <p>peringkat global pada suku ketiga tahun 2021. (Halaman 11, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Dengan kenaikan ketara dalam harga minyak mentah serta perang Rusia-Ukraine yang berterusan, bagaimanakah dan sejauh manakah ia memberi kesan terhadap prestasi Kumpulan?</p> <p>(b) Apakah faktor yang akan memacu kembali pertumbuhan pendapatan Kumpulan pada masa hadapan, seterusnya menambah baik prestasi kewangan Kumpulan?</p>  |
| Wong Engineering Corporation Berhad (AGM) | <p>Pertumbuhan dalam pendapatan adalah didorong oleh peningkatan jualan daripada segmen Pembuatan serta disokong oleh permintaan yang sihat untuk komponen logam rekaan jitu daripada pelanggan dalam sektor elektrik dan elektronik (<i>electrical and electronics, E&amp;E</i>) dan semikonduktor. Selain itu segmen Pembinaan dan Pemaju Hartanah turut memainkan peranan dalam peningkatan ini, berikutan kemajuan projeknya di Kuchai Lama yang mengikut jadual. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Apakah permintaan semasa untuk komponen logam rekaan jitu? Adakah permintaan yang sihat ini dapat diteruskan dan apakah prospek untuk tahun kewangan 2022 dan tahun-tahun seterusnya?</p> <p>(b) Apakah jenis projek Syarikat di Kuchai Lama, status jualan, kemajuan dan tarikh dijangka siap?</p> |
| CAB Cakaran Corporation Berhad (AGM)      | <p>Keuntungan kasar Kumpulan menyusut kepada RM86.25 juta daripada RM113.79 juta pada tahun kewangan 2020. Peningkatan dalam kos makanan ternakan, yang menyumbang hampir 65% daripada jumlah kos pengeluaran ayam pedaging sejak Oktober 2020, hampir 40% telah menghakis margin keuntungan Kumpulan dengan ketara. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>(a) Baru-baru ini Kerajaan mengumumkan subsidi kepada industri ayam itik. Adakah Syarikat tergolong dalam penerima subsidi tersebut? Sejauh manakah ia membantu mengurangkan kesan kenaikan harga bahan mentah yang dijadikan makanan ayam?</p> <p>(b) Sekiranya harga jagung dan tepung soya terus meningkat, adakah Kumpulan mempunyai rancangan alternatif untuk mengawal kos pengeluaran?</p>  |

|   |  |
|---|--|
| <p>CAB Cakaran Corporation Berhad (EGM)</p> | <p>Berkenaan perjanjian usaha sama yang bertarikh 26 Januari 2022 yang dimeterai antara CAB dan MATA Aerotech Sdn Bhd ('MATA') untuk Perniagaan Dron ('JVA'), Syarikat bercadang untuk mempelbagaikan aktiviti utama sedia ada Kumpulan CAB untuk memasukkan penyediaan perkhidmatan berkaitan dron untuk industri pertanian (halaman iv, Pekeliling bertarikh 7 Mac 2022 ('Pekeliling')). Atas pelawaan MATA, CAB berhasrat untuk bersama-sama menjalankan Perniagaan Dron (halaman 2, Pekeliling).</p> <p>(a) Bagaimanakah Syarikat diperkenalkan kepada MATA?</p> <p>(b) Sejauh manakah tahap penilaian wajar yang dijalankan oleh Lembaga Pengarah ke atas MATA dan usaha niaga Perniagaan Dron baharu ini?</p> <p>(c) Sejauh manakah tahap penyelidikan atau kajian kebolehlaksanaan yang dilaksanakan oleh Syarikat ke atas usaha niaga Perniagaan Dron ini?</p> |
| <p>Eco World International Berhad (AGM)</p> | <p>Perbelanjaan Pentadbiran dan Am Kumpulan meningkat RM16.6 juta atau 42.2% daripada RM39.3 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM55.9 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pendapatan Kumpulan merosot sebanyak RM100 juta atau 14.9% daripada RM673 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM573 juta pada tahun kewangan 2021. (Halaman 70, Laporan Tahunan)</p> <p>(a) Mengapakah Perbelanjaan Pentadbiran dan Am Kumpulan melambung tinggi pada tahun kewangan 2021, sedangkan pendapatan Kumpulan merudum pada tahun kewangan yang sama?</p> <p>(b) Sila nyatakan perbelanjaan yang mencatatkan peningkatan ketara pada tahun kewangan 2021 berbanding tahun kewangan 2020.</p>  |

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.